



KENYATAAN MEDIA

KARNIVAL PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA SEMPENA ASEAN ROAD SAFETY WEEK 2023

CYBERJAYA, 13 SEPTEMBER 2023 - Karnival Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan pada hari ini di Rekandscape, Cyberjaya bersempena dengan *ASEAN Road Safety Week (ARSW)* 2023. Karnival PKJR ini selari dengan misi Pelan Keselamatan Jalan Raya 2022 - 2030 yang memberi tumpuan kepada generasi muda terutamanya kanak-kanak. Program ini bertujuan untuk memastikan generasi muda kini dapat menguasai kemahiran berkaitan keselamatan jalan raya pada usia yang muda.

Program PKJR merupakan program kerjasama pintar antara Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penggunaan modul PKJR dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah dan Menengah telah menunjukkan kesan positif dalam menambah ilmu dan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan murid. Justeru, pelaksanaan modul PKJR telah diperluaskan ke peringkat TASKA dan Prasekolah bermula 2021. Di samping itu, bagi mendekatkan jurang ilmu murid arus perdana dan murid berkeperluan khas (MBPK), Modul PKJR bagi murid Kurang Upaya penglihatan dan pendengaran peringkat rendah dan menengah juga telah berjaya dibangunkan pada tahun 2023.

Selaras dengan landskap pendidikan era digitalisasi, MIROS, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan para pemegang taruh berkaitan telah membangunkan kursus e-Pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (ePKJR) dengan menggunakan platform *Learning Management System*. Kursus dalam talian ini bertujuan untuk memudahkan akses bimbingan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) PKJR di kalangan guru dan pendidik.

Selain itu juga, MIROS turut memperkenalkan inisiatif baharu iaitu Pertandingan *Road Safety Education School (R-SES)*. Inisiatif ini diperkenalkan untuk mengiktiraf sekolah dan institusi yang melaksanakan dan membudayakan amalan keselamatan jalan raya secara tuntas bercirikan wajah

Malaysia. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang RSES juga telah diadakan ketika karnival tersebut.

Dalam ucapan beliau, YB Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah memaklumkan bahawa data kemalangan yang diterima daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan analisa oleh MIROS bagi tempoh 10 tahun menunjukkan **7.56%** kematian adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur 0 hingga 15 tahun. Purata kematian dalam tempoh sepuluh tahun juga menunjukkan bahawa satu (1) kematian kanak-kanak dicatatkan setiap hari akibat nahas di jalan raya. Justeru, beliau berharap agar semua pihak dapat menggembung tenaga bagi membudayakan amalan selamat ketika menggunakan jalan raya, khususnya di kalangan kanak-kanak dan seluruh warga Malaysia amnya, agar angka kematian ini dapat dikurangkan.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBrs. Tuan Aedy Fadly Ramli, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan Dan Operasi), JPJ MALAYSIA, YBrs. Tuan Ezaiddin Bin Hussain, Timbalan Pengarah Bahagian Sukan Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, YBrs. Ir. Ts. Azhar Bin Hamzah, Penanggung Ketua Pengarah MIROS dan YBrs. Puan Siti Shafinaz Md Salim, Ketua Pembangunan Hub Teknologi, Cyberview Sdn. Bhd.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor
T: 016 – 415 4707 | E: nuursakinah@miros.gov.my